


# Fitnah: Muhyiddin diperintah bayar RM1.35 juta kepada Guan Eng

**KUALA LUMPUR:** Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin diperintah oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam untuk membayar ganti rugi sebanyak RM1.35 juta kepada bekas Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Pesuruhjaya Kehakiman, Roz Mawar Rozain memutuskan demikian selepas mendapati Guan Eng berjaya dalam saman fitnahnya terhadap bekas Perdana Menteri itu berhubung isu pembatalan pengecualian cukai terhadap sebuah yayasan kebajikan.

Ketika membaca penghakiman ringkasnya, Roz Mawar menyatakan bekas Perdana Menteri itu tidak mengambil tindakan sepatutnya bagi mengesahkan maklumat yang diterimanya berhubung isu pembatalan pengecualian cukai terhadap sebuah organisasi kebajikan yang dikatakan dibuat oleh Guan Eng walaupun mempunyai sumber untuk berbuat demikian.

Sebaliknya, Ahli Parlimen Pagoh yang dinamakan sebagai defendan itu terus membuat kenyataan fitnah terhadap plaintif, Guan Eng walaupun be-



**MUHYIDDIN YASSIN**

kas Ketua Menteri Pulau Pinang itu telah memberi penjelasan mengenai perkara tersebut.

Tambah Roz Mawar, saksi defendan sendiri yang merupakan pegawai daripada Kementerian Kewangan dalam keterangannya menyatakan sepanjang Guan Eng memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan, tidak pernah mengeluarkan sebarang surat pembatalan pengecualian cukai terbabit.

“Kenyataan yang dibuat bukan sahaja palsu tetapi mempunyai potensi untuk meng-

ganggu gugat (suasana) dalam masyarakat berbilang kaum,” kata hakim terbabit.

Selepas membaca penghakimannya, hakim terbabit memerintahkan agar Muhyiddin untuk membayar ganti rugi RM1.35 juta yang merangkumi ganti rugi am, teruk dan teladan.

Mahkamah turut memerintahkan Muhyiddin membayar kos sebanyak RM50,000. Selain itu, mahkamah memerintahkan Muhyiddin menarik balik kesemua kenyataan fitnah itu daripada laman-laman sosial miliknya dan menghalang Ahli Parlimen Pagoh itu daripada mengulangi kenyataan fitnah terbabit dalam apa jua cara sekalipun.

Sementara itu, Muhyiddin dalam satu kenyataan berkata, sebagai mematuhi keputusan mahkamah, beliau akan memadamkan hantaran yang menjadi subjek kepada tindakan saman itu daripada akaun Facebook dan media sosialnya.

Beliau turut mengarahkan peguamnya untuk merayu keputusan itu di Mahkamah Rayuan.